

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
PERMODALAN KEDAH BERHAD  
ALOR SETAR, KEDAH

NURULHAYATI AMINUDDIN ROSLI  
SARJANA MUDA PENGURUSAN (Pemasaran)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA  
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU  
2007

1100063826

Universiti Malaysia Terengganu

LI 26 FPE 2 2007



1100063826

Laporan akhir latihan industri di Permodalan Kedah Berhad,  
Alor Setar, Kedah / Nurulhayati Aminuddin Rosli.



PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)  
21030 KUALA TERENGGANU

Lihat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN SULTANAH HUR ZAHIRAH UNT

---

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
PERMODALAN KEDAH BERHAD,  
ALOR SETAR, KEDAH.**

**OLEH:**

**NURULHAYATI AMINUDDIN ROSLI  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
(PEMASARAN)**


**JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU  
UMT**

**2007**

## PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini, saya, NurulHayati Binti Aminuddin Rosli (UK 12886) mengaku bahawa Laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung di dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan,



Nama : **NurulHayati binti Aminuddin Rosli**

Tarikh : 1 November 2007

Disahkan oleh :

.....  
**Encik Safiek Mokhlis,**

Penyelia Universiti Malaysia Terengganu,  
b/p Pengerusi Latihan Industri,  
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi,  
Universiti Malaysia Terengganu.

## ISI KANDUNGAN

<b>PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN</b>	ii
<b>ISI KANDUNGAN</b>	iii-iv
<b>PENGHARGAAN</b>	v-vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	vii
<b>SENARAI RAJAH</b>	viii
<b>RINGKASAN EKSEKUTIF</b>	xi
 <b>BAB 1: PENGENALAN</b>	
<b>1.1 Latarbelakang Syarikat</b>	1-2
1.1.1 Objektif syarikat	3
1.1.2 Logo Syarikat	4
1.1.3 Motto Syarikat	4
1.1.4 Filosofi Syarikat	5
1.1.5 Visi	5
1.1.6 Misi	5
<b>1.2 Maklumat Syarikat</b>	6
1.2.1 Profil Korporat	6-8
<b>1.3 Senarai Anak Syarikat</b>	8-9
<b>1.4 Fungsi-Fungsi Organisasi</b>	9
1.4.1 Bahagian Operasi	9-10
1.4.2 Bahagian Teknikal	10
1.4.3 Bahagian Pentadbiran dan Hal Ehwal Korporat	10
1.4.4 Bahagian Kewangan	11
<b>1.5 Carta Organisasi</b>	12
<b>1.6 Aktiviti Syarikat</b>	13
1.6.1 Kegiatan dan Pencapaian	13-15
<b>1.7 Kemahiran yang Telah Dipelajari</b>	16
1.7.1 Kemahiran Pengurus	16
1.7.2 Kemahiran Membuat Keputusan	17
1.7.3 Kemahiran Komunikasi	17

## **BAB 2: PENGENALPASTIAN SISTEM, MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN SISTEM**

<b>2.1</b>	<b>Sistem Merekod Kedatangan</b>	19
2.1.1	Penerangan Sistem	20
2.1.2	Pengenalpastian Masalah Sistem	21
2.1.3	Punca Masalah Sistem	21
2.1.4	Implikasi Masalah Sistem	22
2.1.5	Cadangan Penyelesaian	22-24
2.1.6	Perlaksanaan Cadangan dan Implikasi	24-25
<b>2.2</b>	<b>Sistem Permohonan Cuti</b>	26
2.2.1	Penerangan Sistem	27
2.2.2	Pengenalpastian Masalah Sistem	27-28
2.2.3	Punca Masalah Sistem	28
2.2.4	Implikasi Masalah Sistem	28
2.2.5	Cadangan Penyelesaian	29
2.2.6	Perlaksanaan Cadangan dan Implikasi	30
<b>2.3</b>	<b>Sistem Pemfailan dan Surat Menyurat</b>	31
2.3.1	Penerangan Sistem	32-34
2.3.2	Pengenalpastian Masalah Sistem	34
2.3.3	Punca Masalah Sistem	35
2.3.4	Implikasi Masalah Sistem	36
2.3.5	Cadangan Penyelesaian	36-39
2.3.6	Perlaksanaan Cadangan dan Implikasi	39-41

## **BAB 3: PENUTUP**

<b>3.1</b>	<b>Pengenalan</b>	42
<b>3.2</b>	<b>Rumusan</b>	43
<b>3.3</b>	<b>Implikasi</b>	44-46
<b>3.4</b>	<b>Cadangan kepada Latihan Industri</b>	46-49

**RUJUKAN** 49

**LAMPIRAN** 50

## PENGHARGAAN

*Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih, Maha Penyayang*

Alhamdulillah, setulus pujian dipanjatkan dan selautan kesyukuran dirafa'kan ke hadrat Allah Rabbul I'zzati. Selawat serta salam dipersembahkan buat Nabi Muhammad s.a.w, kerana di atas keizinanNya, dapatlah saya menamatkan Latihan Industri di Pertubuhan Keselamatan Sosial, cawangan Kuala Kangsar, Perak, serta dapat menyiapkan laporan latihan industri ini dalam masa yang dirancang.

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih yang tidak terhingga kepada Permodalan Kedah Berhad kerana sudi memberi ruang kepada saya untuk menjalani latihan selama dua belas minggu, bermula 16 April sehingga 6 Julai 2007. Sepanjang penglibatan saya di sana, saya telah diberi kerjasama yang amat memberansangkan daripada semua pihak. Terutama kepada Puan Habibah Bt Hasan, selaku pengurus merangkap penyelia industri. Pegawai-pegawai kerani, serta semua staf yang terlibat.

Di samping itu, setinggi-tinggi penghargaan juga dirakamkan kepada pihak Universiti Malaysia Terengganu di atas peluang yang diberikan kepada pelajar untuk menjalani latihan industri sebagai persiapan sebelum memasuki alam pekerjaan sebenar kelak. Kepada penyelia latihan industri, Encik Safiek Mokhlis, yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan komentar yang membina.

Penyelaras program, Cik Zuhra Rosufila Abu Hasan, di atas usaha beliau menjayakan program ini. Urusetia latihan industri, yang turut membantu melancarkan lagi usaha ini.

Tidak dilupakan buat ibu bapa serta keluarga yang telah banyak memberi sokongan moral dan material, semoga pengorbanan yang dihulurkan dinilai sebagai satu ibadah disisi Allah s.w.t. Juga kepada seluruh sahabat-sahabat seperjuangan serta sesiapa sahaja yang memberi bantuan secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyiapkan laporan ini.

Segala jasa dan pengorbanan yang anda sumbangkan tidak dapat saya balas kerana terlalu tinggi nilainya sehingga tidak dapat dinilai dengan wang ringgit, hanya Allah s.w.t yang dapat membalasnya. Insya Allah.

Sekian, terima kasih.

## **SENARAI JADUAL**

JADUAL 1.5 : Carta Organisasi Permodalan Kedah Berhad

JADUAL 1.6 : Projek-Projek Yang Telah Dilaksanakan

## **SENARAI RAJAH**

RAJAH 1.1.2 : Logo Permodalan Kedah Berhad

RAJAH 2.1 : Sistem Merekod Kedatangan Kakitangan

RAJAH 2.2 : Sistem Permohonan Cuti

RAJAH 2.3 : Sistem Pemfailan dan Surat Menyurat

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Pihak Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah menetapkan bahawa syarat untuk melayakkan seseorang pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) bergraduat adalah wajib bagi mereka untuk menjalani Latihan Industri selama dua belas minggu di mana-mana organisasi kerajaan mahupun swasta. Latihan Industri ini merupakan kursus teras penting yang wajib dalam Program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) dan program lain di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi.

Amnya, Latihan Industri ini adalah untuk memberi pendedahan awal kepada pelajar untuk menempuh alam pekerjaan sebenar kelak. Selain itu, pelajar juga dapat mempraktikkan segala teori yang telah dipelajari di dalam kuliah dan dapat menguji sejauhmana kualiti ilmu pengetahuan yang dimiliki. Di samping itu, pelajar juga dapat menimba sebanyak mungkin kemahiran dan pengalaman baru yang dapat dijadikan sebagai bekalan memasuki medan pekerjaan akan datang dan di dalam kehidupan seharian.

Permodalan Kedah Berhad telah menjadi tempat pelajar menjalani Latihan Industri selama dua belas minggu bermula 16 April sehingga 6 Julai 2007. Sepanjang menjalani Latihan Industri di Permodalan Kedah Berhad, pelajar didedahkan dengan pelbagai proses kerja yang terlibat. Pelajar juga telah ditempatkan di bahagian sumber manusia kerana terlalu banyak tugas yang memerlukan bantuan pelajar praktikum. Di bahagian ini, pelajar diajar bagaimana menguruskan tugas berkaitan dengan pengurusan dan sebagainya. Pelajar juga dikehendaki mengesan sistem sedia ada serta masalah yang dihadapi. Berdasarkan apa yang telah dipelajari, pelajar dikehendaki mencadangkan kaedah yang sesuai untuk mengatasi masalah tersebut. Diharapkan organisasi dapat memberi ruang masa untuk menilai segala cadangan yang diusulkan melalui laporan ini untuk kepentingan organisasi memantapkan lagi pengurusan kerja sedia ada.